

**LIPUTAN JENAYAH RASUAH DALAM  
AKHBAR TEMPATAN: SATU KAJIAN KES**

**Oleh**

**ARNIE ASLINDA BINTI ARBAK**

**Tesis ini diserahkan untuk kursus YSK 500 (Disertasi  
Komunikasi) bagi memenuhi sebahagian daripada  
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera (Komunikasi)**

**Disember 2005**

## Dedikasi

Buat:

Ayahandaku Arbak Othman dan Boudaku Rahmah Ibrahim  
yang sentiasa mendoakan kejayaanku,  
Kakakku Arnie Adurah yang sentiasa memberi dorongan  
serta nasihat, dan  
Adikku Arnie Ardiana yang sentiasa ditinggal-tinggalkan.

Kalian  
sentiasa dalam ingatan.

“Manusia yang sering diuji dan dicabar, Tuhan janjikan  
ganjaran besar. Tetapi kita harus ‘membelinya’ dengan  
kesabaran kerana dalam hidup ini tidak ada yang  
percuma.”

## **PENGHARGAAN**

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang)**

SYUKUR Alhamdulillah, dengan petunjuk dan hidayah daripada Allah S.W.T, saya telah berjaya menyempurnakan “Disertasi Komunikasi” ini dalam tempoh yang ditetapkan.

Setinggi penghargaan buat penyelia yang saya sanjungi iaitu Profesor Madya Tuan Haji Mohamad Md. Yusoff di atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang telah beliau berikan kepada saya dalam menjayakan penulisan ilmiah ini, di samping didikan sempurna yang telah beliau curahkan kepada saya dalam mengejar kejayaan di masa akan datang.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Pengarang Kumpulan Utusan, Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, Encik Abdul Aziz Ishak yang sudi meluangkan masa untuk ditemuramah tentang organisasi akhbar. Sekalung budi dititipkan buat Ketua Pusat Maklumat Utusan, Puan Fouziah Abd. Rahim; Penolong Ketua Pusat Maklumat Utusan, Encik Mohd. Rodzi Ali; dan semua kakitangan Pusat Maklumat Utusan yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam memberi bantuan dalam pencarian data akhbar yang dikaji. Bantuan mereka amat dihargai kerana telah memudahkan kajian ini.

Sekalung penghargaan yang tidak terhingga buat para pensyarah Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia iaitu Profesor Ramli Mohamed, Profesor Madya Zaharom Nain, Tuan Haji Haroon Awang, Profesor Madya Dr. Khor Yoke Lim, Puan Wang Lay Kim dan Profesor Madya Dr. Shanti Balraj Ambigapathy yang telah banyak mencerahkan ilmu.

Setulus kasih buat Puan Rajemah Othman dan suami, A. Rahman Md. Said sekeluarga; Haji Abidin Shaffiee dan isteri; dan juga bapa saudaraku Encik Zakaria Othman yang telah banyak memberi dorongan, semangat dan nasihat kepada saya dalam menghadapi hari-hari yang penuh cabaran dan dugaan ini.

Akhir sekali, tidak lupa juga buat rakan-rakan yang sentiasa membantu, memberi semangat, memberi galakan dan susah senang bersama-sama – Abdul Wahab, Kak Norhayati, Asmah, Khairil Amri, Wan Abdul Rahman, Ungku Ahmad, Rohana, Siti Aminah dan lain-lain, kerana terlalu memahamiku. Semoga Allah S.W.T dapat membalsas segala budi baik mereka semua.....Amin.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

**Arnie Aslinda Binti Arbak**  
**Pusat Pengajian Komunikasi**  
**Universiti Sains Malaysia**

**15 Disember 2005**  
**13 Zulkaedah 1426H**

## **ABSTRAK**

Jenayah rasuah merupakan satu masalah “universal”, bukan sahaja dihadapi oleh negara-negara membangun seperti Malaysia, tetapi juga negara-negara maju di seluruh dunia. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan liputan meluas tentang jenayah rasuah yang dilaporkan oleh akhbar yang dikaji.

Sebagai media cetak utama, akhbar memainkan peranan penting dalam menyebarkan berita dan laporan terkini kepada masyarakat. Pelbagai maklumat dan topik perbincangan dapat diketahui oleh masyarakat melalui akhbar, antaranya ialah liputan tentang jenayah. Di samping liputan tentang jenayah pembunuhan, samun, rompakan, rogol, ragut dan beberapa jenayah ganas yang lain, akhbar juga telah menjadi salah satu media massa penting yang melaporkan jenayah rasuah di kalangan masyarakat.

Analisis kandungan akhbar telah dijalankan untuk melihat bentuk pelaporan jenayah rasuah dalam akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* dari 1 Mei 2004 hingga 30 April 2005. Selain itu, temubual bersemuka juga telah dijalankan dengan Pengarang Kumpulan Utusan untuk mendapatkan penjelasan lanjut tentang pelaporan jenayah rasuah secara lebih terperinci.

Daripada 364 sampel kajian, hasil kajian menunjukkan terdapat 275 item liputan jenayah rasuah dilaporkan oleh akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* dari 1 Mei 2004 hingga 30 April 2005. Sepanjang tempoh kajian, dapatan kajian menunjukkan bahawa akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* memberi liputan yang banyak terhadap liputan jenayah rasuah jika dibandingkan dengan liputan terhadap jenayah bunuh, jenayah rogol, jenayah ragut, jenayah samun, jenayah rompakan, jenayah curi, jenayah pecah rumah dan jenayah-jenayah lain.

# **REPORTING CORRUPTION IN A LOCAL NEWSPAPER: A CASE STUDY**

## **ABSTRACT**

Corruption has become a universal problem faced not only by developing countries like Malaysia, but also by other nations of the world. This situation is clearly seen based on wider coverage on corruption practices reported in the newspapers studied.

Being a popular medium, newspaper plays an important role in disseminating latest news and reports to the society. Various types of information reported and topics discussed have been made known to society through the newspaper, one of which is coverage on the criminal practices. Apart from news coverage on criminal practices like murder, robbery, snatch theft, raping etc., newspapers have proven to be one of the very few important mass media that have made reports on corruption practised by certain members of society.

A newspaper content analysis has been carried out to see the forms of corruption reporting in both the *Utusan Malaysia* and *Mingguan Malaysia* from 1<sup>st</sup> May 2004 to 30<sup>th</sup> April 2005. Besides that, face-to-face interviews were also carried out with the Editors in an effort to get further clarification on the details of the manner of corruption practices which were reported in the newspapers concerned.

From 364 study samples, the analysis shows that 275 items of corruption coverage were reported in both *Utusan Malaysia* and *Mingguan Malaysia* from 1<sup>st</sup> May 2004 to 30<sup>th</sup> April 2005. The result of the study shows that both *Utusan Malaysia* and *Mingguan Malaysia* tend to cover corruption practices more than other criminal practices such as murder, rape, snatch theft, robbery, theft, burglary and the like.

## **KANDUNGAN**

Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Kandungan	v
Senarai Jadual	ix

### **BAB**

<b>1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah dan Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Skop Kajian	14
<b>2 ULASAN PEMBACAAN</b>	
2.1 Pengenalan	18
2.2 Ulasan Kajian Lepas	18
2.3 Beberapa Penemuan Tentang Rasuah	22
2.4 Pengertian Rasuah Secara Umum	35
2.5 Kerangka Teoritikal Kajian	41
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	46
3.2 Kaedah Pengumpulan Data	47
3.3 Kaedah Analisis Kandungan dan Analisis Tekstual	48
3.4 Kaedah Temubual Bersemuka	50
3.5 Kaedah Analisis Sekunder	50
3.6 Konseptualisasi	51
3.7 Definisi Operasional	53
3.8 Kaedah Analisis Data	62
3.9 Kesahihan Pengekodan	63
<b>4 UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD</b>	
4.1 Pengenalan	64
4.2 Sejarah Utusan Melayu	66
4.3 Wawasan Korporat Kumpulan Utusan	68
4.4 Pemilikan Akhbar Utusan Melayu	69

<b>5</b>	<b>HASIL KAJIAN</b>	
5.1	Pengenalan	71
5.2	Dapatan Kajian	85
<b>6</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN</b>	
6.1	Kesimpulan Kajian	98
6.2	Implikasi Teori	101
6.3	Masalah Kajian	102
6.4	Batasan Kajian	102
6.5	Cadangan Kajian Akan Datang	103
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	105
	<b>LAMPIRAN 1</b>	
Lampiran 1(a):	Sampel Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar <i>Utusan Malaysia</i> termasuk <i>Mingguan Malaysia</i> Sepanjang Bulan Mei 2004	
Lampiran 1(b):	Sampel Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar <i>Utusan Malaysia</i> termasuk <i>Mingguan Malaysia</i> Sepanjang Bulan Jun 2004	
Lampiran 1(c):	Sampel Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar <i>Utusan Malaysia</i> termasuk <i>Mingguan Malaysia</i> Sepanjang Bulan Julai 2004	
Lampiran 1(d):	Sampel Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar <i>Utusan Malaysia</i> termasuk <i>Mingguan Malaysia</i> Sepanjang Bulan Ogos 2004	
Lampiran 1(e):	Sampel Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar <i>Utusan Malaysia</i> termasuk <i>Mingguan Malaysia</i> Sepanjang Bulan September 2004	
Lampiran 1(f):	Sampel Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar <i>Utusan Malaysia</i> termasuk <i>Mingguan Malaysia</i> Sepanjang Bulan Oktober 2004	
Lampiran 1(g):	Sampel Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar <i>Utusan Malaysia</i> termasuk <i>Mingguan Malaysia</i> Sepanjang Bulan November 2004	

- Lampiran 1(h): Sampel Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Disember 2004
- Lampiran 1(i): Sampel Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Januari 2005
- Lampiran 1(j): Sampel Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Februari 2005
- Lampiran 1(k): Sampel Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Mac 2005
- Lampiran 1(l): Sampel Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan April 2005

## **LAMPIRAN 2**

- Lampiran 2(a): Sampel Liputan Pelbagai Jenayah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Mei 2004
- Lampiran 2(b): Sampel Liputan Pelbagai Jenayah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Jun 2004
- Lampiran 2(c): Sampel Liputan Pelbagai Jenayah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Julai 2004
- Lampiran 2(d): Sampel Liputan Pelbagai Jenayah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Ogos 2004
- Lampiran 2(e): Sampel Liputan Pelbagai Jenayah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan September 2004

- Lampiran 2(f): Sampel Liputan Pelbagai Jenayah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Oktober 2004
- Lampiran 2(g): Sampel Liputan Pelbagai Jenayah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan November 2004
- Lampiran 2(h): Sampel Liputan Pelbagai Jenayah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Disember 2004
- Lampiran 2(i): Sampel Liputan Pelbagai Jenayah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Januari 2005
- Lampiran 2(j): Sampel Liputan Pelbagai Jenayah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Februari 2005
- Lampiran 2(k): Sampel Liputan Pelbagai Jenayah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Mac 2005
- Lampiran 2(l): Sampel Liputan Pelbagai Jenayah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan April 2005

## **SENARAI JADUAL**

- Jadual 5.1 Jumlah Liputan Jenayah Rasuah Yang Dilaporkan Oleh Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Dari 1 Mei 2004 Hingga 30 April 2005
- Jadual 5.2 Jumlah Liputan Pelbagai Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Mei 2004
- Jadual 5.3 Jumlah Liputan Pelbagai Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Jun 2004
- Jadual 5.4 Jumlah Liputan Pelbagai Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Julai 2004
- Jadual 5.5 Jumlah Liputan Pelbagai Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Ogos 2004
- Jadual 5.6 Jumlah Liputan Pelbagai Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan September 2004
- Jadual 5.7 Jumlah Liputan Pelbagai Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Oktober 2004
- Jadual 5.8 Jumlah Liputan Pelbagai Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan November 2004
- Jadual 5.9 Jumlah Liputan Pelbagai Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Disember 2004
- Jadual 5.10 Jumlah Liputan Pelbagai Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Januari 2005

- Jadual 5.11 Jumlah Liputan Pelbagai Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Februari 2005
- Jadual 5.12 Jumlah Liputan Pelbagai Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan Mac 2005
- Jadual 5.13 Jumlah Liputan Pelbagai Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* Sepanjang Bulan April 2005
- Jadual 5.14 Jumlah Keseluruhan Liputan Pelbagai Jenayah Termasuk Jenayah Rasuah Yang Dilaporkan Oleh Akhbar *Utusan Malaysia* Termasuk *Mingguan Malaysia* Dari 1 Mei 2004 hingga 30 April 2005
- Jadual 5.15 Ruang Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* Dari 1 Mei 2004 Hingga 30 April 2005
- Jadual 5.16 Ruang Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Mingguan Malaysia* Dari 1 Mei 2004 Hingga 30 April 2005
- Jadual 5.17 Kedudukan Muka Surat/Halaman Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* Dari 1 Mei 2004 Hingga 30 April 2005
- Jadual 5.18 Kedudukan Muka Surat/Halaman Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Mingguan Malaysia* Dari 1 Mei 2004 Hingga 30 April 2005
- Jadual 5.19 Jenis Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* Dari 1 Mei 2004 Hingga 30 April 2005
- Jadual 5.20 Jenis Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Mingguan Malaysia* Dari 1 Mei 2004 Hingga 30 April 2005
- Jadual 5.21 Jumlah Liputan Tempatan Berdasarkan Akhbar Dari 1 Mei 2004 Hingga 30 April 2005
- Jadual 5.22 Jumlah Liputan Luar Negara Berdasarkan Akhbar Dari 1 Mei 2004 Hingga 30 April 2005
- Jadual 5.23 Kategori Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* Dari 1 Mei 2004 Hingga 30 April 2005
- Jadual 5.24 Kategori Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Mingguan Malaysia* Dari 1 Mei 2004 Hingga 30 April 2005

- Jadual 5.25 Sumber Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia*  
Dari 1 Mei 2004 Hingga 30 April 2005
- Jadual 5.26 Sumber Liputan Jenayah Rasuah Dalam Akhbar *Mingguan Malaysia*  
Dari 1 Mei 2004 Hingga 30 April 2005
- Jadual 5.27 Kecenderungan Liputan Lidah Pengarang Terhadap Isu Jenayah  
Rasuah Dalam Akhbar *Utusan Malaysia* Dari 1 Mei 2004 Hingga 30  
April 2005

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Komunikasi melalui media massa memainkan peranan yang amat penting dalam masyarakat dan amat berpengaruh sebagai pembentuk pemikiran masyarakat (A. Samad Ismail, 1988). Keadaan ini wujud kerana setiap hari masyarakat akan mendengar radio atau menonton televisyen atau membaca akhbar atau membaca buku ataupun sekurang-kurangnya berbual bersama rakan-rakan. Kenyataan ini menunjukkan setiap individu dalam dunia ini tidak dapat mengasingkan diri dari pengaruh media massa, baik media cetak maupun media elektronik.

Selain memainkan peranan yang penting dalam membentuk pemikiran masyarakat, media massa sama ada media cetak atau elektronik juga memainkan peranan yang amat besar dalam menyampaikan maklumat dan hiburan kepada pembaca, penonton dan pendengar. Media massa boleh mempengaruhi khalayak dengan menyiarkan sesuatu berita dan laporan yang bersifat positif ataupun negatif.

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang sedang membangun. Dengan ini, peranan yang dimainkan oleh media massa adalah penting supaya maklumat terkini mengenai dasar-dasar kerajaan dan pembangunan dapat disalurkan kepada rakyat. Sehubungan ini, terdapat ramai pengkaji yang menulis tentang peranan media massa di negara-negara membangun. Antaranya ialah Munir K. Nasser (1997: 62). Menurut

Munir, media digunakan oleh negara-negara membangun sebagai ejen penggerak dan pembangunan negara.

Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid (1988: 271) pula menyatakan melalui media massa, masyarakat secara tidak langsung akan terpengaruh atau dipengaruhi dengan apa yang disiarkan. Keadaan ini berlaku kerana masyarakat telah menerima media massa sebagai institusi yang mewakili pendapat umum dan masyarakat seluruhnya dengan pelbagai corak, bentuk dan ragam.

Peranan media massa di dalam pembangunan negara secara keseluruhannya telah lama diiktiraf oleh kerajaan dan merupakan satu alat propaganda penting dalam usaha kerajaan melaksanakan *sosial engineering*nya. (Mohamad Md. Yusoff, 1993: 19). Dalam erti kata lain, peranan media massa sebenarnya bukan hanya terhad sebagai penyebar idea dan informasi tetapi juga bertindak sebagai penyebar kebudayaan.

Sebagai penggerak kepada media massa, ada kumpulan wartawan memainkan peranan dan tanggungjawab yang penting untuk menyampaikan maklumat terkini melalui berita dan laporan yang ditulis sama ada melalui media cetak mahupun media elektronik. Keadaan ini memerlukan mereka untuk membuat liputan dari semasa ke semasa untuk mencari dan menulis berita walaupun berhadapan dengan pelbagai halangan dari pihak-pihak tertentu.

Hal ini diakui oleh Syed Arabi Idid (1994) yang menjelaskan bahawa di dalam bidang kewartawanan, kesesuaian dan kebenaran (fakta) sesuatu berita dan laporan amat penting supaya ia tidak melanggar undang-undang iaitu tiada unsur penipuan dan penyelewengan. Menurut beliau lagi, bidang kewartawanan ini turut melibatkan hubungan pemberita dengan editor masing-masing. Ini kerana apa yang ditulis oleh pemberita akan disunting oleh editor terlebih dahulu agar berita yang disiarkan itu dapat disalurkan kepada masyarakat.

Memandangkan media massa berperanan sebagai utusan maklumat yang amat besar khususnya dalam memberi hiburan kepada masyarakat, maka hubungan yang cukup erat pastinya terjalin antara masyarakat dengan media massa (Syed Arabi Idid, 1999: 44).

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk meneliti liputan jenayah rasuah di dalam akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* dari 1 Mei 2004 hingga 30 April 2005. Justeru itu, bahagian ini akan membincangkan penggunaan akhbar dalam memainkan peranan media massa yang penting untuk menyampaikan berita dan laporan terkini kepada masyarakat.

Kajian berhubung liputan jenayah rasuah ini dilakukan kerana semenjak Malaysia berada di bawah sistem pemerintahan baru Perdana Menteri Malaysia kelima iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah), pengkaji dapati banyak tangkapan

tentang jenayah rasuah dilaksanakan. Tindakan ini disebabkan Pak Lah mengutamakan prinsip tegas dalam usaha untuk membasmi segala kejahatan, kemungkaran, kelemahan, penyelewengan dan rasuah (*Utusan Malaysia*, 1 November 2003).

Semenjak itu, jenayah rasuah sering dilaporkan menerusi media massa sama ada media cetak atau media elektronik. Sebenarnya, jenayah rasuah bukannya isu baru dalam kehidupan masyarakat, malah telah mengakibatkan keamanan serta kestabilan negara sering diganggu-gugat. Sehingga kini, pengkaji dapat jenayah rasuah semakin berleluasa dan luas pelaporannya di dada akhbar.

Dalam usaha mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang keseriusan jenayah rasuah yang banyak berlaku di Malaysia kini, akhbar menjadi sumber maklumat dan pengetahuan yang paling utama kerana ia dapat dibaca oleh semua peringkat masyarakat, bukan sahaja masyarakat bandar tetapi juga masyarakat desa.

Dengan pelbagai peristiwa yang berlaku, akhbar merupakan media massa kedua terpenting selepas televisyen (Abel and Wirth, 1977). Dengan hanya menyampaikan maklumat dalam bentuk percetakan, akhbar didapati berupaya mempengaruhi masyarakat dalam jangkamasa tertentu.

Muhamad Rosli (2001: 177) menyatakan antara media cetak yang utama ialah akhbar dan ia memainkan peranan penting dalam masyarakat sebagai salah satu sumber utama yang kekal penggunaannya sehingga hari ini. Sebagai sebuah saluran

media massa yang penting, akhbar menyediakan pelbagai maklumat dan topik perbincangan yang meliputi pengetahuan am, hal ehwal semasa, politik, jenayah, sukan dan sebagainya.

Kajian terhadap media tertua ini menjadi agak popular di kalangan pengkaji komunikasi kerana ia mempunyai ciri-ciri seperti bersifat sehala, komunikator yang berinstitusi, dapat digandakan iaitu mampu menyebarkan sesuatu maklumat kepada khalayak yang banyak dan mempunyai mesej-mesejnya yang tersendiri. Oleh kerana sifatnya yang dapat mengumpul dan membentuk kecenderungan umum terhadap sesetengah isu, maka pengkaji media mula mengkaji keupayaan akhbar dan media dalam membentuk pendapat umum (Handayani, 1995: 7).

Akhbar juga berkuasa dan berpengaruh dalam mencorakkan watak, ideal, institusi-institusi individu, keluarga dan komuniti (Adzman Abbas, 1993: 310). Dalam hal ini, akhbar bertanggungjawab untuk memberi maklumat yang lengkap, tepat dan benar kepada khalayak. Justeru itu, berita dan laporan yang diterbitkan oleh akhbar mestilah berita dan laporan yang berfakta, adil, objektif dan tidak memihak kepada seseorang, sesebuah parti pemerintah, dasar-dasar kerajaan mahupun sistem pemerintah.

Selain itu, Lang et. al. (1966: 468) turut menjelaskan bahawa akhbar memaksa perhatian umum kepada isu-isu tertentu dalam mempengaruhi khalayak mengikut pemilihan berita secara sedar oleh wartawan. Namun begitu, dalam keadaan sebenar, akhbar selalunya tidak berupaya untuk mempengaruhi orang ramai dalam

menentukan bagaimana untuk berfikir, tetapi hanya berjaya mempengaruhi pembacanya untuk menentukan apa yang perlu difikirkan (Cohen, 1963: 20).

Di Malaysia, menurut Adzman Abbas (1993: 25), akhbar berfungsi membangkitkan semangat sebelum merdeka untuk membentuk identiti budaya bangsa sendiri, agama dan kedaulatan negara. Pada zaman sebelum merdeka, akhbar bertindak sebagai tempat para negarawan, budayawan dan golongan intelek menyuarakan semangat orang Melayu menerusi penulisan-penulisan yang disiarkan.

Ringkasnya, akhbar sebagai saluran media massa kedua penting begitu meluas penggunaannya di kalangan masyarakat untuk mendapatkan maklumat mengenai peristiwa-peristiwa yang telah berlaku, sedang berlaku mahupun peristiwa-peristiwa yang akan berlaku (Syed Arabi Idid, 1994).

### **1.3 Pernyataan Masalah dan Persoalan Kajian**

Negara kini sedang menempuh era pembangunan yang pesat dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan, teknologi, perhubungan dan sebagainya. Kepesatan ini membawa perubahan yang amat besar kepada masyarakat dan negara, dan sejajar dengan perubahan ini, muncul pelbagai perbuatan jenayah yang sukar dibendung. Keadaan ini dapat kita lihat menerusi liputan-liputan tentang jenayah yang sering disiarkan oleh media massa, sama ada media cetak mahupun media elektronik. Antara jenayah-jenayah yang sering dilaporkan oleh media massa ialah jenayah bunuh, jenayah rogol, jenayah ragut, jenayah samun, jenayah rompakan, jenayah

curi, jenayah pecah rumah, jenayah rasuah dan lain-lain perlakuan jahat yang mendatangkan keburukan dan kemudaratan kepada masyarakat dan negara.

Liputan, menurut Sulaiman Masri (1997: 65) ialah pemerian bertulis tentang sesuatu kejadian, perkara atau pendapat yang telah dibincangkan dan disampaikan dalam format dan laras bahasa tertentu. Bentuk liputan yang lazimnya terdapat di dada akhbar ialah berita, lidah pengarang dan bahan-bahan seperti rencana, surat pembaca, pendapat, ulasan, kolumn penulis tamu dan penulisan kreatif. Untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai sesuatu peristiwa yang berlaku, akhbar adalah medium yang terbaik kerana ia mempunyai persempahan dalam bentuk kekal dan boleh dibaca berulang-ulang kali.

Berita telah diberikan berbagai definisi oleh pakar bidang kewartawanan. MacDougall (1972: 12) berpendapat berita merupakan laporan mengenai sesuatu kejadian dan bukan kejadian itu sendiri. Harris dan Johnson (1965: 22) pula menggariskan beberapa definisi berita. Antaranya ialah:

- (i) Berita merupakan laporan fakta dan pendapat mengenai sesuatu kejadian yang menarik minat orang ramai.
- (ii) Apa juga bentuk maklumat yang diminati oleh pembaca adalah berita, dengan syarat ia tidak menyalahi undang-undang dan etika kewartawanan.
- (iii) Berita juga merupakan perkara yang dibincangkan oleh orang ramai. Lebih ghairah masyarakat membincangkannya, maka lebih tinggi nilai beritanya.

- (iv) Berita adalah maklumat yang tepat dan bersesuaian dengan waktu ia berlaku. Penemuan pendapat baru dan perkara menarik yang lain boleh juga dianggap sebagai berita.
- (v) Berita mengandungi semua kegiatan semasa yang menarik perhatian orang ramai dan berita yang terbaik ialah yang dapat menarik minat pembaca.

Selain itu, Charnley (1966: 6) juga telah memberi satu definisi yang menarik mengenai berita. Beliau mentakrifkan berita sebagai maklumat terbaru dan boleh memberi faedah kepada pembaca.

Secara umumnya, berita adalah maklumat atau kisah atau laporan yang ringkas, tepat, adil, seimbang, objektif laporannya dan mempunyai nilai-nilai tertentu tentang sesuatu kejadian yang sudah, sedang dan akan berlaku (Md. Salleh Kassim, 1992).

Bentuk liputan yang dikaji seterusnya ialah lidah pengarang. Lidah pengarang ialah rencana pengarang sesebuah akhbar yang ditempatkan pada satu halaman akhbar yang tetap dan isi laporannya menyatakan kecenderungan sesebuah akhbar terhadap sesuatu perkara yang menjadi isu masyarakat (Mohd Nazri Ibrahim, 2000: 74).

Selain berita, lidah pengarang juga mempunyai pelbagai definisi. Leon Flint (1926: 1) menghuraikan lidah pengarang sebagai salah satu wadah yang digunakan oleh seseorang pengarang dalam usaha menyuarakan keinginan kepuasan peribadi menerusi ideanya. Kenyataan ini memberikan penjelasan kepada kita bahawa

pengarang menggunakan lidah pengarang untuk menyalurkan pandangan dan gagasan peribadinya untuk memenuhi tuntutan kepuasan diri.

Menurut William Allen White (dipetik dari Stonecipher, 1970: 40), lidah pengarang merupakan luahan dan pandangan berdasarkan kepada sejumlah fakta-fakta yang menampilkan kebenaran dan memberikan satu laluan kepada khalayak untuk mengetahui dan mengenali tentang sesuatu perkara yang dinyatakan oleh seseorang editor. Kenyataan ini menggambarkan ruangan lidah pengarang dapat memberikan panduan kepada pembaca untuk berfikir mengenai sesuatu isu atau perkara.

Lidah pengarang seterusnya ditakrifkan oleh Lyle (1924: 16) sebagai satu bentuk persembahan pendapat, fakta dan rangkaian maklumat secara logikal, tersusun dan menghiburkan supaya dapat mempengaruhi pandangan serta menterjemahkan berita yang mampu memudahkan pemahaman kebanyakan pembaca. Pandangan ini turut disokong oleh Hart (1970: 197) yang kemudiannya menambah bahawa dalam penulisan sesebuah lidah pengarang, seseorang pengarang itu perlulah menganalisis hasil tulisannya supaya dapat diselaraskan dengan dasar sesebuah akhbar itu.

Secara umumnya, lidah pengarang merupakan ruangan yang digunakan oleh pengarang untuk menjelaskan, memberikan pendapat atau pandangan dan untuk menyatakan pendirian terhadap sesuatu isu supaya dapat membentuk satu kefahaman tulen kepada pembaca (Mohd Khalil Sreedaran, 2000: 85-86).

Satu lagi bentuk liputan yang lazimnya terdapat di akhbar ialah bahan-bahan seperti rencana, surat pembaca, pendapat, ulasan, kolumn penulis tamu dan penulisan kreatif. Untuk kajian ini, pengkaji akan menggunakan bahan-bahan yang diuraikan oleh Hariss dan Johnson (1965). Menurut Hariss dan Johnson (1965: 152), bahan-bahan seperti rencana, surat pembaca, pendapat dan kolumn penulis tamu tidak perlu mempunyai peraturan yang ditetapkan, sama ada dari segi stail, bentuk dan isi kandungan. Selain itu, mereka turut menyatakan bahan-bahan juga boleh bercorak deskriptif mahupun naratif, boleh melukiskan dan menggambarkan suasana serta berupaya menjelaskan keadaan.

Kenyataan di atas menerangkan bahawa penekanan bahan-bahan seperti rencana, surat pembaca, pendapat dan kolumn penulis tamu adalah berhubung kait dengan cara-cara kejadian yang dilaporkan itu dilukis dan digambarkan dengan jelas.

Herbert J. Gans (dipetik dari Md. Salleh Kassim, 1992: 138) menegaskan bahawa bahan-bahan seperti rencana, surat pembaca, pendapat dan kolumn penulis tamu bukanlah sebuah berita, tetapi merupakan karangan menarik yang mempunyai ciri-ciri tertentu dalam melaporkan sesuatu peristiwa yang telah, sedang dan akan berlaku.

Pendapat yang dikemukakan oleh Herbert J. Gans di atas cuba menjelaskan bahawa penulisan bahan-bahan seperti rencana, surat pembaca, pendapat dan kolumn penulis tamu didapati dapat memberi maklumat yang lebih banyak dan jelas kepada para pembaca berbanding penulisan yang terdapat dalam berita.

Secara umumnya, bahan-bahan seperti rencana, surat pembaca, pendapat dan kolumnis penulis tamu bertujuan untuk menghibur, menimbulkan rasa hairan, gelisah (humor), takjub, cemas, terharu dan kasihan (Md. Salleh Kassim, 1992). Sehubungan itu, beliau turut menambah pendapatnya dengan menyatakan:

“penulisan bahan-bahan seperti rencana, surat pembaca, pendapat dan kolumnis penulis tamu juga bertujuan untuk mendidik, menambahkan pengetahuan serta menimbulkan rasa keindahan untuk dihayati oleh pembaca” (m.s. 136).

Dalam kajian ini, pengkaji akan meneliti apakah terdapatnya perbezaan terhadap jumlah liputan jenayah rasuah dengan liputan jenayah-jenayah lain di dalam akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* dari 1 Mei 2004 hingga 30 April 2005. Jenayah rasuah kini merupakan suatu isu tingkah laku tidak berakhlik dan tidak bermoral yang semakin hangat diperkatakan melalui akhbar-akhbar tempatan (*Utusan Malaysia*, 4 Ogos 2004). Sehubungan ini, pengkaji akan melihat dan meneliti liputan jenayah rasuah dan liputan jenayah-jenayah lain di dalam akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* sepanjang tempoh kajian untuk mendapatkan perbezaan jumlah pelaporannya.

Pemerhatian terkini pengkaji juga mendapati bahawa liputan tentang jenayah menggunakan banyak ruang di dada akhbar dan diletakkan pada pelbagai halaman. Di samping melaporkan jenayah pembunuhan, samun, rompakan, rogol, rugut dan beberapa jenayah ganas yang lain, berapa banyakkah akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* memperuntukkan ruangan dan halaman bagi melaporkan jenayah rasuah dari 1 Mei 2004 hingga 30 April 2005. Melalui

penelitian dan pemerhatian yang jitu terhadap saiz ruang dan kedudukan halaman, pengkaji akan dapat mengenal pasti keutamaan akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* dalam melaporkan jenayah rasuah sepanjang tempoh kajian.

Untuk memastikan apakah benar terdapatnya liputan jenayah rasuah di samping liputan jenayah-jenayah lain di dalam akhbar kajian ini, pengkaji akan cuba membuat kajian secara teliti dengan menjawab beberapa persoalan yang ditimbulkan. Beberapa persoalan adalah seperti berikut:

- (i) Apakah jenis liputan jenayah rasuah yang dilaporkan oleh akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* dari 1 Mei 2004 hingga 30 April 2005?
- (ii) Apakah kategori liputan jenayah rasuah yang dilaporkan oleh akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* dari 1 Mei 2004 hingga 30 April 2005?
- (iii) Apakah sumber liputan jenayah rasuah yang dilaporkan oleh akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* dari 1 Mei 2004 hingga 30 April 2005?
- (iv) Kenapa dilaporkan jenayah rasuah?
- (v) Apakah dasar-dasar syarikat dan amalan *editorial* yang digunakan oleh akhbar *Utusan Malaysia* termasuk *Mingguan Malaysia* dalam melaporkan jenayah rasuah?